

12/11/2000

Palestin sokong KL

NEGARA Asia Barat yang masih bergelut dalam mendapatkan kemerdekaan - Palestin - secara rasmi menyatakan sokongan terhadap penawaran Kuala Lumpur dalam mendapatkan hak penganjuran Sukan Asia 2006.

Sokongan itu dinyatakan Presiden Palastin, Yasser Arafat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi sepucuk surat yang bertarikh 6 November 2000.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, sokongan itu membuktikan Doha tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada negara Asia Barat dalam perebutan hak tuan rumah temasya berprestij itu.

"Sebelum ini, Doha memaklumkan bahawa mereka mendapat sokongan sepenuhnya daripada negara Asia Barat tetapi dengan surat daripada pemimpin PLO, Yasser Arafat membuktikan sebaliknya.

"Malah, kita mendapati kemungkinan beberapa negara Asia Barat akan mengundi kita dalam pemilihan itu esok (hari ini)," katanya semalam.

Selain Doha yang menjadi pesaing, Kuala Lumpur akan berdepan dua lagi calon - New Delhi dan Hong Kong - dalam pemilihan hari ini di Pusan.

Seramai 42 perwakilan Majlis Olimpik Asia (OCA) akan membuat pemilihan dalam proses pengundian sulit sempena perhimpunan agung badan induk itu.

Menurut Hishammuddin, dalam surat itu, pemimpin Palestin itu mendoakan kejayaan kita dan percaya Kuala Lumpur mampu memenangi penawaran itu berdasarkan kemudahan sukan dan pengalaman yang dimiliki serta sokongan semua pihak di Malaysia.

(END)